

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 JUN 2014 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Inisiatif untuk usahawan	Utusan Malaysia
2.	Fuel subsidies block clean energy drive	New Straits Times
3.	Malaysia mission to San Diego convention selas seven bio deals	The Star
4.	Misi bio Malaysia jalin tujuh kerjasama di San Diego	Utusan Malaysia
5.	Wetter days and less haze this week, say weatherman	The Star
6.	Pemenang kuiz Utusan – ATSB	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 30 JUN 2014 (ISNIN)

Inisiatif untuk usahawan

MyCSC sediakan khidmat kepakaran siber untuk membantu usahawan

PUSAT pakar keselamatan siber kebangsaan, CyberSecurity Malaysia, baru-baru ini melancarkan outlet MyCyberSecurity Clinic (MyCSC) dan Program Pembangunan Keusahawanan MyCSC yang beroperasi di ibu pejabat agensi tersebut di Seri Kembangan.

MyCSC merupakan inisiatif agensi terbabit yang dibangunkan bertujuan menyediakan perkhidmatan berkaitan keselamatan siber seperti perkhidmatan forensik digital yang terdiri daripada pemulihan data, baik pulih cakera keras (*hard disk*), data sanitasi dan juga khidmat nasihat mengenai isu yang berkaitan keselamatan siber dan internet.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, **Datuk Dr. Ewon Ebin** berkata, MyCSC merupakan kemudahan untuk rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kepakaran berkaitan keselamatan siber.

"Ia juga merupakan platform bagi membantu pengguna Internet mendapatkan perkhidmatan bantuan kecemasan siber dan menyalurkan laporan insiden serta ancaman keselamatan siber ke Pusat Bantuan Cyber999 yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia," ujarnya.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab.

Pada majlis yang sama, beliau turut melancarkan Program Pembangunan Keusahawanan MyCSC yang merupakan satu program perkembangan rangkaian Outlet MyCyberSecurity Clinic berasaskan konsep sistem pelesenan.

Ewon berkata, program tersebut dijangka dapat melahirkan lebih ramai usahawan baharu dalam bidang sains dan teknologi, khususnya dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), di samping membuka peluang pekerjaan kepada lebih ramai rakyat Malaysia.

Sementara itu, dalam ucapan aluannya, Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Jeneral (B) **Tan Sri Mohd.**

Azumi Mohamed berkata, perkhidmatan yang disediakan melalui outlet berkenaan dapat memberi banyak faedah serta mampu menyelesaikan masalah kehilangan data dan memulihkan kembali maklumat yang hilang atau padam dari peranti serta gajet ICT pengguna.

Katanya, program pembangunan keusahawanan MyCSC pula dilihat sebagai satu proses perpindahan kepakaran teknologi yang memberi manfaat kepada rakyat Malaysia yang terlibat secara langsung dalam program tersebut.

Selain outlet berkenaan, agensi terbabit juga menyediakan perkhidmatan yang sama di cawangannya di Ipoh, Perak.

EWON Ebin (kiri) diberi penerangan mengenai MyCyberSecurity Clinic (MyCSC) selepas majlis pelancaran di Seri Kembangan baru-baru ini. Turut kelihatan **Mohd. Azumi** (dua dari kanan) dan **Dr. Amirudin Abdul Wahab** (kanan).



Mengenai CyberSecurity Malaysia

→ CyberSecurity Malaysia adalah pusat pakar keselamatan siber Nasional di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

→ Agensi terbabit yang bertanggungjawab memantau aspek e-Keselamatan nasional serta mengenal pasti secara berterusan bidang yang boleh membahayakan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat, di samping memberi latihan dan bantuan teknikal dalam pengurusan krisis siber.

→ Laman sesawang: www.cybersecurity.my

→ Facebook: www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia

→ Twitter: www.twitter.com/cybersecuritymy

Fuel subsidies block clean energy drive

EFFICIENCY DEFICIT: Despite push for renewables, incentives don't measure up

A RECENT talk on climate change at the Academy of Sciences Malaysia highlighted how fuel usage would influence the rise in global temperature. The right energy choices can make a difference to sustainable development.

There is no denying that the world needs more energy as demand grows. This is not expected to go down, as world economies and populations continue to expand.

At the same time, we need to rapidly reduce the rate at which we are emitting carbon dioxide. We need to urgently rein in the volume of greenhouse gases entering the atmosphere. That means switching to

renewable energy as early as possible.

No doubt, there exist many ways to induce the use of renewable energy. These include market-based measures, such as incentives and subsidies. Other approaches include taxing carbon-based fossil fuels, making them more expensive. That would encourage users to invest in energy-efficient measures and switch to renewable energy.

Renewables create economic opportunities in green technology. With the right incentives, businesses would rush to invest in solar panels and wind turbines. But, such investment is known to trickle in.

The reason is simple. Despite the logic of encouraging the switch

Dr Ahmad Ibrahim
is fellow of the
Academy of
Sciences Malaysia



A worker climbing over a solar panel in a solar factory in Longyou county, Zhejiang province, China. While the world needs more energy to grow, people need to rapidly cut the rate of CO2 emissions. Reuters pic

through subsidies for wind and solar energy, and biofuels, governments still provide much larger subsidies for fossil fuels, especially oil.

Subsidies come in different forms. Direct payments to producers to expand production and keep their selling prices down is one. Another involves payment to consumers, so they can afford the prices.

The United Kingdom government applies a lower rate of value-

added tax, or VAT, to energy. In Australia, the coal industry has received indirect support through funding for coal-fired electricity generation.

But, it is the emerging economies that provide the biggest subsidies. It has been reported that Russia, China and India are leading examples, although they have begun to cut subsidies. Iran has, surprisingly, reported using approximately a third of its annual budget to keep energy prices down. Here at

home, the government still spends billions of ringgit to subsidise petrol and diesel.

It has been estimated that global subsidies for fossil fuels amounted to US\$400 billion (RM1.2 trillion) in 2010, one-third higher than in the previous year because of rising energy prices.

India provides an example of how such a subsidy can impact businesses negatively. Farmers pay a fraction of the cost of electricity

→ Continued next page

Those who should benefit often lose out

→ From Page 16

and this is partly compensated by higher costs for industrial and commercial users.

Energy subsidies do serve noble social and economic objectives. These include stimulating a particular domestic industry, reducing dependence on energy imports or helping marginalised and disadvantaged groups.

Abolishing them, on the other hand, can be political suicide. When the Indonesian government reformed subsidies in 2005, there were street protests nationwide against the higher prices.

There is, undoubtedly, a strong case for subsidising electricity for poor communities in developing countries. But, poorly designed schemes often lead to waste. The supposed beneficiaries actually end up worse off.

Recently publicised episodes on diesel smuggling is a case in point. In any case, studies have shown that only eight per cent of the US\$400 billion spent on supporting fossil fuels in 2010 went to the poorest 20 per cent of the population. There is ample evidence to suggest that subsidies disproportionately benefit the better-off.

Countries have begun to take notice of such convincing arguments against subsidies. Many have initiated their phasing out. The G20 group of leading economies agreed, in 2009, to phase out fossil energy subsidies. Unfortunately, progress has been slow, even with the urgency in most countries to slash government spending.

Germany was among the first to make the move. In 2007 the government agreed to a gradual phase-out of its notorious coal subsidies, which had reached €90,000 (RM394,753) per miner. The subsidy, designed to keep domestic coal competitive with imports and preserve local jobs, will end by 2018.

Arguably, more must be done. The International Energy Agency forecast that fossil fuel subsidies will reach US\$660 billion in 2020, going by current policies. Eliminating them would cut the growth in energy demand by four per cent. The move would also eliminate 1.7 Gt of CO₂ emissions.

It would help businesses make the case for energy-efficient investments. Not to mention, it would motivate the switch to renewables. Fossil subsidies are definitely no help for renewables.

Malaysia mission to San Diego convention seals seven bio deals

KUALA LUMPUR: The Malaysian bio-trade and investment mission in conjunction with the 2014 BIO International Convention in San Diego resulted in seven exchanges of documents for collaboration in the biomedical and wellness industry.

A statement released by the Malaysian Biotechnology Corp (BiotechCorp) yesterday said the first exchange of documents was between Algae International Bhd (AIB) and Nutrigae to develop mutually beneficial programmes/projects to generate algae related products.

The second exchange was between Sengenics Sdn Bhd and CollabRx Inc to expand turnkey whole-exome clinical diagnostic services.

The third was between Neopeutics and Felda Wellness Corp, paving the way for the potential discovery of new therapeutic substances from traditional Malaysian medicine and Malaysian biodiversity for the international market.

Felda Wellness will also collaborate with Gordagen in a project aimed at extracting a new compound from palm oil to create products for exercise endurance, heart health and glycaemic control.

The fifth exchange of documents, involving Felda Wellness and Malaysian Genomics Resource Centre Bhd, is for a genome sequencing service for plants and a genetic screening service for humans known as Dtect, which screens DNA for known genetic markers associated with risks for diseases.

The delegation was led by Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Dr Ewon Ebin. — Bernama

Misi bio Malaysia jalin tujuh kerjasama di San Diego

Misi pelaburan dan perdagangan bio Malaysia sempena Konvensyen Antarabangsa BIO 2014 di San Diego, Amerika Syarikat (AS) menghasilkan tujuh pertukaran dokumen bagi kerjasama dalam industri bioperubatan dan kesejahteraan.

Perbadanan Bioteknologi Malaysia (Bio-techCorp) dalam satu kenyataan semalam, berkata pertukaran dokumen pertama ialah antara Algae International Bhd (AIB) dan Nutrigae untuk membangunkan projek/program yang memberi manfaat bersama bagi menjana produk berkaitan alga.

Pertukaran kedua ialah antara Sen-genics Sdn Bhd dan CollabRx Inc untuk mengembangkan perkhidmatan diagnostik klinikal seluruh 'exome'.

Terapeutik baharu

Ketiga ialah antara Neopeutics dan FELDA Wellness Corporation, memberi laluan bagi penemuan potensi bahan terapeutik baharu daripada ubat tradisional Malaysia dan biodiversiti Malaysia untuk pasaran antarabangsa.

FELDA Wellness juga akan bekerjasama dengan Gordagen dalam projek yang bertujuan mengekstrak sebatian baharu daripada minyak sawit untuk mencipta produk latihan daya tahan, kesihatan jantung dan kawalan glisemik.

Pertukaran dokumen yang kelima mem-babitkan FELDA Wellness dan Malaysian Genomics Resource Centre Bhd, bagi perkhidmatan jujukan genom untuk tum-buhan dan perkhidmatan penyaringan genetik untuk manusia dikenali sebagai Dtect, yang akan menyaring DNA untuk penanda genetik yang dikaitkan dengan risiko penyakit.

Setiap ujian Dtect disesuaikan untuk kumpulan penyakit tertentu, seperti kardiovaskular, metabolisme serta penyakit pediatrik, dan keputusan boleh membantu menguruskan kesihatan penduduk.

Kenal pasti peluang

FELDA Wellness akan turut bekerjasama dengan syarikat perlombongan data Seeloz untuk membantu ia mengenal pasti peluang pasaran dan mengembangkan operasi di peringkat global, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan membawa faedah ekonomi untuk Malaysia.

BERNAMA

Wetter days and less haze this week, says weatherman

By YUEN MEIKENG
meikeng@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysians will likely get a slight reprieve from the blistering heat as more rain is expected to fall this week.

The Meteorological Department said residents, especially those in peninsular Malaysia, could expect more wet days then.

"With the forecast of more rain in the peninsula, the hazy weather is likely to improve. However, the situation is also dependent on the source of the haze," a department official said when contacted yesterday.

He said it was difficult to determine when the haze would clear up completely because it depended on the wind direction and the existence of haze sources.

However, the department forecast that the average temperature could shoot up to as high as 36°C until September due to effects of the El Niño phenomenon.

The average maximum temperature in June is 33.6°C in the peninsula and 32.8°C in Sabah and Sarawak.

The department advised the public to drink more water during the hot season and stop all kinds of open burning as it would worsen the haze.

Air quality readings have shown that there have been clearer skies compared to the past few days.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri G. Palanivel said there were no areas which had unhealthy air quality yesterday.

"Some 26 areas recorded good air quality while another 24 areas had moderate readings at 9am," he said in a statement yesterday.

This was an improvement from Friday's readings, which showed that 17 areas had good air quality while 34 others recorded moderate levels.

Palanivel said 16 hot spots were detected in the country on Saturday with one each in Selangor and Johor, two in Pahang, eight in Sabah and four in Sarawak.

"One hot spot was detected in Sumatra based on 18 satellite images issued by the Asean Specialised Meteorological Centre in Singapore," he said.

At press time, most areas in Malaysia showed horizontal visibility readings of over 8km.

Palanivel said the Open Fire Prevention Action plan had been activated since February to curb the haze situation in the country.

As of Saturday, the Department of Environment recorded 3,973 cases of open burning in the country, whereby 840 were in forest areas and 1,271 in agricultural land.

"Of these, 276 cases had been compounded while warning notices were issued in 87," he said, adding that 43 investigations for burning offences were opened for prosecution.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 30 JUN 2014 (ISNIN)



OTHMAN Mohamad (dua dari kanan) meraikan pemenang utama Kuiz Aplikasi Satelit 2013 sambil diiringi oleh Hassan Mohd. Noor (kanan) dan Aziz Yusoff (tiga dari kanan) di ibu negara baru-baru ini.

Pemenang kuiz Utusan-ATSB

Suri rumah gondol hadiah utama bawa pulang telefon pintar, komputer riba dan SSP bernilai RM1,000

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**
 sains@utusan.com.my

KESUNGGUHAN seorang suri rumah, **Hasmahliah Mohamed Hassan** melakukan kajian pencarian maklumat berkenaan teknologi angkasa akhirnya membuahkan hasil apabila dia dinobatkan pemenang pertandingan **Kuiz Aplikasi Satelit 2013, Utusan-Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB).**

Pernah bertugas di salah sebuah syarikat berkaitan telekomunikasi antara kelebihan Hasmahliah berjaya memenangi hadiah telefon pintar iPhone 5S, sebuah komputer riba, dan Sijil Simpanan Premium (SSP) bernilai RM1,000.

Menurut Hasmahliah, soalan-soalan yang diajukan pada kuiz tersebut bukanlah mudah. Namun, tekad dan minat yang mendalam berkenaan teknologi angkasa mendorongnya untuk mencuba.

"Antara usaha yang dilakukan adalah menelaah artikel berkenaan teknologi angkasa dan merujuk buku-buku yang pernah saya belikan untuk anak-anak bagi menambah pengetahuan.

"Antara cabaran lain yang dihadapi adalah untuk mencari slogan yang sesuai, hampir 20 draf dihasilkan. Namun keputusan memilih slogan **Aplikasi Satelit Merupakan Teknologi Pembangunan Kesejahteraan dan Peningkatan Taraf Ekonomi Masyarakat** akhirnya membuahkan hasil," katanya ketika ditemui pada majlis penyampaian hadiah kuiz itu di ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad dan Pengarang Utusan Malaysia, Datuk Hassan Mohd. Noor. Dalam pada itu, ujar Hasmahliah,



HASMAHLIAH MOHAMED HASSAN



NOR AFFENDI MOHD GHAZY

teknologi angkasa amat penting bagi membangunkan negara dan di negara ini tidak ramai yang benar-benar memahami dan berminat dengan kepentingan teknologi itu terutamanya golongan muda masa kini.

"Usaha yang dilakukan oleh *Utusan Malaysia* dan ATSB untuk menarik minat masyarakat terhadap teknologi angkasa tersebut amat-amat bagus dan perlu diteruskan," katanya.

Selain Hasmahliah, seramai 12 pemenang hadiah saguhati juga dipilih dan layak menerima SSP bernilai RM300 seorang.

Antaranya seorang guru, **Nor Affendi Mohd. Ghazy** yang berharap program-program kuiz seperti itu akan diteruskan pada masa-masa hadapan.

"Apa yang saya lihat golongan muda masa kini kurang berminat untuk membaca akhbar yang dicetak dan mereka lebih gemar menumpukan perhatian terhadap media sosial dan di alam maya.

"Justeru, program ini sememangnya bertepatan dengan usaha untuk mengembalikan minat golongan ini (muda) membaca akhbar," katanya.

Usaha yang dilakukan oleh Utusan Malaysia dan ATSB untuk menarik minat masyarakat terhadap teknologi angkasa tersebut amat-amat bagus dan perlu diteruskan

Perkara tersebut turut diakui oleh pemenang saguhati yang merupakan pelajar program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman, Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Nurkhairiyah Khairul Anuar** yang tertarik untuk membaca akhbar tersebut kerana kepelbagaian maklumat serta terdapatnya pertandingan.

"Selain minat, saya juga didorong oleh ibu yang juga mementi perkara yang sama (menyertai kuiz).

"Bagaimanapun saya masih lagi banyak menggunakan aplikasi atas talian (*online*) untuk merujuk dan membaca sebarang berita dan kurang membaca akhbar yang bercetak," katanya.

Sementara itu menurut Naib Presiden ATSB, **Aziz Yusoff**, antara tujuan kuiz tersebut diadakan adalah untuk menggalak dan mempertingkatkan pengetahuan orang ramai terhadap teknologi angkasa yang semakin meningkat maju.

Ujarnya, teknologi angkasa kini merupakan antara teknologi terpenting dunia kerana pelbagai kelebihan diperolehi meneruskannya.

"Sebagai contoh, apabila berlakunya

tragedi kehilangan pesawat MH370 milik Penerbangan Malaysia (MAS) negara terpaksa bergantung kepada teknologi angkasa negara-negara yang lebih maju kerana kita tidak memiliki nya (teknologi).

"Sememangnya ini merupakan teknologi baharu namun sangat bernilai kepada negara. Oleh itu, masyarakat perlu didedahkan berkenaan fungsi sebenar teknologi angkasa agar ia (teknologi) dapat dimaju dan dikembangkan dengan lebih pesat di Malaysia," katanya.

Kuiz Aplikasi Satelit 2013 dianjurkan sebagai susulan kejayaan Kuiz Teknologi Satelit yang diadakan pada 2012.

Sama seperti peraduan terdahulu, pembaca diperlukan untuk mengetahui dan memahami aplikasi satelit menerusi artikel yang disertakan dalam akhbar sisipan *Mega* dan mereka perlu menjawab soalan yang diberikan bermula 2 September tahun lalu.

Pembaca mendapatkan borang penyertaan asal daripada akhbar tersebut yang akan disiarkan dua kali seminggu setiap Isnin selama enam minggu.

Kuiz tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu soalan setiap dua minggu mingguan yang mengandungi dua soalan objektif manakala soalan terkumpul pula akan disiarkan setiap dua minggu.

Untuk semua soalan, pembaca boleh mencari jawapan berdasarkan artikel aplikasi atelit yang akan tersiar bersama borang penyertaan.

Pembaca yang berminat menyertai kategori soalan terkumpul pula perlu melengkapkan slogan pada minggu terakhir penganjuran kuiz.

Pemenang kategori bagi soalan dwimingguan bakal dipilih secara rawak berdasarkan jawapan yang betul sementara kategori soalan terkumpul ditentukan mengikut ketepatan jawapan dengan slogan yang menarik.